

11/10/2003

Kejayaan PM erat perpaduan kaum dipuji

KUALA LUMPUR: Program 'Tribute To Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad' anjuran akhbar The Malay Mail terus mendapat sambutan menggalakkan apabila ramai yang datang untuk mengucapkan terima kasih dan penghormatan kepada Dr Mahathir.

Program yang bermula 5 Oktober itu memberi peluang kepada orang ramai menghantar ucapan kepada Perdana Menteri menerusi akhbar berkenaan.

Semalam, Toh Puan Dr Aishah Ong, isteri bekas Menteri Kewangan, Tun Omar Ong Yoke Ling mengambil peluang merakamkan ucapan kepada Dr Mahathir menerusi siri program penjelajahan di kompleks beli-belah Sogo, semalam.

Beliau yang turut mewakili suaminya, berkata Dr Mahathir banyak memberi sumbangan kepada kemajuan negara, selain berfungsi aktif dalam dan luar negara.

Katanya, di bawah kepimpinan Dr Mahathir, negara mendahului negara dunia ketiga lain dalam pelbagai aspek, selain berjaya mengharungi pelbagai masalah seperti kemelesetan ekonomi.

"Beliau berjaya menjadikan rakyat negara ini hidup harmoni dalam sebuah negara berbilang kaum.

"Saya harap pengganti Dr Mahathir selepas ini akan meneruskan misi yang sama dengan memberi penekanan kepada kestabilan politik dan ekonomi walaupun mempunyai pendekatan berbeza," katanya.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai program berkenaan boleh mendapatkan borang menerusi siri penjelajahan di beberapa bandar utama seperti Petaling Jaya, Klang, Kedah, Pulau Pinang, Ipoh, Kuantan, Seremban, Melaka dan Johor Bahru.

Di Kuala Lumpur, ia diadakan di KLCC, Sungai Wang Plaza, The Weld dan Kompleks Sogo.

Ucapan yang dihantar dikenakan bayaran berpatutan mengikut jumlah baris serta saiz, manakala penghantaran ucapan sehingga 26 Oktober ini dan akan disiarkan dalam akhbar The Malay Mail bermula 31 Oktober sehingga mesej yang diterima habis disiarkan.